

8 MAC 2018

APMM temui dadah dalam bungkusan minuman teh cina

APMM temui dadah dalam bungkusan minuman teh cina

BATU PAHAT - Maritim Malaysia (APMM) Pangkalan Maritim Batu Pahat menggagalkan cubaan menyeludup keluar sejumlah dadah bernilai RM300,000 ke negara jiran di kawasan perairan Sungai Nibong, kira-kira 10 batu nautika dari Tanjung Tohor, di sini, kelmarin.

Timbalan Pengarah Maritim (Operasi) Wilayah Selatan, Kepten Maritim Sanifah Yusof berkata, serbuk mampat disyaki syabu dan tiga paket disyaki ekstasi itu dirampas pada pukul 1.30 pagi.

Katanya, bertindak atas maklumat awam, bot APMM yang melakukan rondaan berjaya mengesan sebuah bot gentian kaca yang mencurigakan di perairan berkenaan.

"Pemandu bot terbabit enggan berhenti apabila diarahkan dan bertindak memecut laju menuju ke kawasan pokok bakau sebelum dua suspek le-



SANIFAH (dua dari kiri) menunjukkan dadah yang dirampas dalam serbuan di Perairan Sungai Nibong pada sidang akhbar di Pangkalan Maritim Batu Pahat semalam.

laki kemudiannya berjaya meloloskan diri dengan meninggalkan bot di tepi kawasan bakau.

"Hasil pemeriksaan dalam bot tersebut, kita menemui serbuk mampat disyaki syabu dan tiga paket ekstasi dengan berat keseluruhan kira-kira satu kilogram yang disimpan di dalam plastik bungkusan minuman teh cina disembunyi bawah timbunan

jaring," katanya pada sidang akhbar di Pangkalan Maritim di sini semalam.

Pihaknya percaya kegiatan tersebut didalangi sindiket besar yang menjalankan penyeludupan dadah, namun siasatan lanjut mengenainya sedang dilakukan.

"Kesemua dadah dan bot tersebut dibawa ke jeti pangkalan untuk siasatan lanjut," ujarnya.